

TINJAUAN TERHADAP PENCABULAN DAN PERLANGGARAN MAKSIM OLEH PELAJAR CINA DI DALAM PROSES PEMBENTANGAN KERJA KURSUS BAHASA MELAYU

(REVIEW AGAINST MAXIMS REVOCATION AND VIOLATION BY CHINESE STUDENTS
IN MALAY LANGUAGE COURSEWORK PRESENTATION PROCESS)

Jamilah Bebe Binti Mohamad¹

Noriah Mohamed²

Noor Hafida Mohamed³

Abstract

This paper discusses the revocation and the violations of maxims that occurred among Chinese students when they presented their coursework in Malay. Students were found to have violated the maxims due to their low level of Malay speaking ability and they expected their presentation process to go smoothly and unstoppable. In line with this view, Grice (1991: 309) stated that, in an interaction, maxims infringement and violation are inevitable. Both often occur, either intentionally (maxim infraction) or accidental (maxim violation). Usually the maxims violation is insignificant. This is because, the speaker did it accidentally or unconsciously. In general these maxim violations and revocations will make the speaker converse in concealed manner or not transparent. In other words, the speaker's speech is not clear and difficult to understand by the listener. As such, listeners need to make inferences which is to guess the meaning of the utterance. The collaborative principle introduced by Grice (1975) contains four types of maxim, namely the maxim of quality, quantity, relevance and clarity. The four maxims of this collaboration will be outlined based on the data obtained from twenty Chinese students aged between 18 and 20 who are studying at Tunku Abdul Rahman University College, Penang. The data of this study is a recording which carried out during the course work presentation process in Malay by the students and it transcribed into Malay spelling. The analysis and discussion conducted in this study only illustrates the example of the selected data. Discussion shows that there are indeed violations and revocation of the maxims which occurred when the students presented the course work. However, in accordance with the abilities, capabilities and the level of mastery of the Malay language of the students, they have shown different forms of maxim revocation and violations.

Keywords: *maxim revocation and violations, Chinese students, collaboration maxim*

¹ Guru Bahasa, Jabatan Bahasa Asing Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang, Pahang, MALAYSIA Tel: +60124682213 E-mail: ella_jamilahbebe@yahoo.com

² Profesor Dr. Noriah Mohamed, Pensyarah Bahagian Lingusitik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, MALAYSIA. Tel: +60125626405 E-mail: noriahm@usm.my

³ Pensyarah Bahasa Melayu, Kolej Tuanku Abdul Rahman Pulau Pinang, MALAYSIA. Tel: +60179147757 Email: fieda_hai@yahoo.com.my

Abstrak

Makalah ini membincangkan pencabulan dan pelanggaran maksim yang berlaku dalam kalangan pelajar Cina sewaktu mereka membentangkan kerja kursus dalam bahasa Melayu. Pelajar didapati mencabul dan melanggar maksim disebabkan tahap kemampuan berbahasa Melayu mereka rendah dan mereka mengharapkan agar proses pembentangan mereka berjalan dengan lancar dan tidak terhenti. Selaras dengan pandangan ini, Grice (1991: 309) menyatakan bahawa, dalam sebuah interaksi, pelanggaran dan pencabulan maksim tidak dapat dielakkan. Kedua-duanya sering berlaku, sama ada secara sengaja (pelanggaran maksim) atau tidak sengaja (pencabulan maksim). Lazimnya pencabulan maksim tidak ketara. Hal ini demikian kerana penutur melakukannya secara tidak sengaja atau tidak sedar. Secara umum pencabulan dan pelanggaran maksim ini akan membuatkan pemeran melakukan implikatur, yakni menghasilkan ujaran secara berselindung atau tidak berterus terang. Dengan kata lain, ujaran penutur tidak jelas dan sukar difahami oleh pendengar. Oleh hal yang demikian, pendengar perlu melakukan inferens, yakni meneka makna ujaran berkenaan. Prinsip kerjasama yang diperkenalkan oleh Grice (1975) mengandungi empat jenis maksim, iaitu maksim kualiti, kuantiti, kerelevanan dan kejelasan. Keempat-empat maksim kerjasama ini akan diuraikan berdasarkan data yang diperoleh daripada dua puluh orang pelajar Cina yang berusia antara 18 hingga 20 tahun yang menuntut di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, Pulau Pinang. Data kajian ini ialah rakaman yang dilakukan ketika proses pembentangan kerja kursus dalam bahasa Melayu oleh pelajar berkenaan dan ditranskripsikan ke dalam bentuk ejaan bahasa Melayu. Analisis dan perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini hanya memaparkan contoh data terpilih. Perbincangan menunjukkan sememangnya terdapat pencabulan dan pelanggaran maksim yang berlaku semasa pelajar membentangkan kerja kursus. Namun demikian, sesuai dengan kebolehan, keupayaan dan tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar ini, maka pencabulan dan pelanggaran maksim yang dilakukan oleh mereka menunjukkan pelbagai bentuk yang berbeza.

Kata kunci: *pencabulan dan pelanggaran maksim, pelajar Cina, maksim kerjasama*

GBSE Journal 2017

Pengenalan

Implikatur ialah ujaran yang menyiratkan makna yang berbeza dengan makna sebenar ujaran. Makna pembicara dikemukakan secara implisit. Implisit bermaksud tidak langsung, tidak terang-terangan atau tersirat. Eksplisit pula ialah ujaran yang dinyatakan dengan tepat dan jelas, tanpa dikias-kias atau tersurat. Tujuan asal penggunaan implikatur adalah untuk menyederhanakan maklumat, menyatakan sesuatu secara sopan dan memastikan orang yang mendengar ujaran tidak tersinggung atau berkecil hati.

Untuk memahami makna implikatur, Grice (1975) menyatakan bahawa semua penutur mesti patuh kepada prinsip kerjasama. Prinsip kerjasama bermaksud pemeran atau peserta komunikasi bekerjasama untuk menjayakan komunikasi. Bagi Grice (1975) bekerjasama bermaksud menjadikan perbualan secukupnya seperti yang diperlukan pada tahap perbualan itu berlangsung, dengan tujuan dan pertukaran perbualan yang sama yang dituturkan (Yan

Huang, 2015: 27). Kerjasama pemeran diperlihatkan menerusi penggunaan maksim kerjasama, yakni pemeran memberikan kerjasama dalam sesebuah komunikasi.

Maksim ialah set prinsip pertuturan. Terdapat empat maksim kerjasama dalam perbualan, iaitu maksim kualiti, kuantiti, kerelevanan dan kejelasan. Untuk menghasilkan mesej yang jelas, pemeran dalam komunikasi perlu mematuhi semua maksim ini (Grice, 1975: 13). Jika mereka tidak berbuat demikian, maka mesej yang disampaikan tidak difahami oleh pemeran lain. Dalam komunikasi, jika mesej disampaikan secara langsung dan pendengar memahami mesej berkenaan maka kelihatan prinsip kerjasama ini dipatuhi oleh pemeran. Dalam interaksi, jika mesej disampaikan secara tidak langsung dan pendengar tidak memahami mesej berkenaan maka prinsip kerjasama ini telah dicabul atau dilanggar oleh pemeran. Pencabulan mesej berlaku secara tidak sengaja atau tidak disedari manakala pelanggaran mesej dilakukan secara sedar. Pelanggaran maksim ketara apabila pemeran gagal mematuhi satu atau lebih maksim. Contohnya pemeran melanggar maksim kualiti, yakni sengaja menipu dengan tujuan untuk menjaga hati orang yang dilawan bicara.

Dalam makalah ini fokus perbincangan ialah pencabulan dan pelanggaran maksim kerjasama yang dilakukan oleh pelajar Cina ketika proses pembentangan kerja kursus dalam bahasa Melayu. Hal berkaitan data pertuturan pelajar Cina ini dihuraikan dalam bahagian berikut. Model maksim kerjasama Grice (1975) digunakan sebagai kerangka teoretis penulisan ini. Dalam model berkenaan terdapat empat maksim, iaitu maksim kualiti, kuantiti, kerelevanan dan kejelasan.

Dalam maksim kualiti pemeran sepatutnya tidak menyatakan sesuatu yang dirasakan tidak benar, tidak mempunyai dalil yang mencukupi atau tiada atau kurang lengkap buktinya. Maksim kuantiti menyarankan agar pemeran menjadikan ujarannya bermaklumat dan sumbangannya tidak terlebih atau terkurang daripada maklumat yang diperlukan. Maksim kerelevanan menyatakan bahawa hal yang diujarkan mestilah relevan untuk perbualan yang sedang berlangsung atau hal yang diperkatakan itu berkaitan dengan topik yang sedang dibualkan. Maksim kejelasan atau cara berbicara mengesyorkan supaya pemeran tidak menyumbangkan hal yang taksa atau sukar difahami oleh pemeran lain. Sejalan dengan ini, hindarkanlah ungkapan yang samar atau taksa, elakkan pernyataan yang panjang sebaliknya gunakan bahasa yang padat, ringkas dan khusus, serta tertiblah dalam menyampaikan maklumat (Yan Huang, 2015: 27-28).

Metodologi

Kajian ini bersifat kualitatif, yakni kajian yang tidak melibatkan analisis berangka. Dari segi metodologi kualitatif, tiga aspek dibincangkan, iaitu lokasi, pemungutan data dan penganalisisan data.

Lokasi kajian ialah Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, Pulau Pinang.

Kaedah kepustakaan (yang melibatkan tinjauan ke perpustakaan, lawatan ke bilik sumber lain dan menerusi internet) dimanfaatkan untuk memperoleh bahan bertulis, audio dan video yang digunakan dalam menyediakan maklumat asas kajian, seperti latar belakang, sorotan literatur, kerangka teoretis serta sebagainya.

Kaedah lapangan (yang melibatkan pemerhatian ikut serta, temu bual dan rakaman) digunakan untuk mendapatkan data perbualan yang menggunakan maksim kerjasama. Data berkenaan diperoleh melalui sesi soal jawab ketika pelajar berkenaan membentangkan kerja kursus mereka. Data tersebut dirakamkan dan ditranskripsikan ke dalam bentuk dan ejaan bahasa Melayu standard. Temu bual dilakukan selepas tamat waktu kelas dan pada waktu yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Temu bual ini juga dirakamkan dan ditranskripsikan. Seramai 20 orang pelajar Kolej Tunku Abdul Rahman yang berusia antara 18 sehingga 20 tahun terlibat sebagai informan kajian ini. Mereka terdiri daripada 10 orang pelajar lelaki dan 10 orang pelajar perempuan.

Analisis Dan Perbincangan

Berdasarkan data kajian, keempat-empat bentuk pencabulan dan pelanggaran maksim dikesan berlaku ketika sesi soal jawab pembentangan kerja kursus informan. Keempat-empat pencabulan dan pelanggaran maksim yang dilakukan oleh pelajar Cina telah dirakamkan dan ditranskripsikan. Huraian selanjutnya dilaksanakan dalam bahagian berikut.

Pencabulan dan Pelanggaran Maksim Kualiti

Menerusi maksim kualiti, Grice (1975: 101) menyarankan agar penutur tidak memberikan maklumat yang salah dan tidak mempunyai bukti yang kukuh. Maksim ini memerlukan sesuatu maklumat itu benar dan khusus. Stubbs (1983: 12) menyarankan agar penutur memberi tumpuan kepada kebenaran yang didasarkan oleh fakta dan bukannya berasaskan kepada kebenaran yang mengikut logik akal penutur sahaja semasa berinteraksi. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Grice (1975), dalam sesebuah interaksi, pelanggaran dan pencabulan maksim tidak dapat dielakkan. Fenomena ini sering berlaku sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Dalam kajian ini, beberapa bentuk pencabulan maksim dilakukan oleh pelajar Cina semasa menjawab soalan yang diajukan oleh guru secara spontan sewaktu pembentangan kerja kursus mereka. Contohnya:

Data 1 : Punca Pelajar Gagal Dalam Pelajaran

Pensyarah: Apakah faktor utama yang menyebabkan pelajar gagal dalam pelajaran↑?
Informan B: £Banyak *main game dota miss* ↑, macam kawan saya £.

Jawapan informan B dalam situasi data di atas telah mencabul maksim kualiti. Hal ini demikian kerana jawapan pelajar tersebut menyatakan sesuatu yang tidak mempunyai bukti yang kukuh. Pensyarah menanyakan faktor utama pelajar gagal dalam pelajaran. Persoalan terhadap ‘faktor utama’ haruslah diberi perhatian. Jawapan kepada persoalan pensyarah haruslah mempunyai bukti yang kukuh dan relevan. Contohnya kurang memberi perhatian semasa di dalam kelas atau tidak mengulang kaji pelajaran. Menurut kajian Wan Fauziah (2003: 19) punca utama pelajar gagal dalam pelajaran berkait rapat dengan keperibadian pelajar itu sendiri, iaitu ‘sikap malas’.

Jawapan yang diberikan oleh informan B ‘banyak bermain *game* dota’ ada logiknya, tetapi tidaklah menunjukkan bukti yang kukuh. Berdasarkan temu bual yang dilakukan oleh pengkaji, informan B menjawab sedemikian kerana dia selalu melihat rakan-rakannya bermain permainan tersebut sehingga lewat malam. Kesannya, mereka tidak dapat bangun awal dan akhirnya mereka sering ponteng kelas. Jadi informan B telah membuat andaian sendiri apabila pensyarah mengajukan soalan yang demikian. Informan B tetap mencabul maksim kualiti. Hal ini demikian kerana maksim ini menegaskan bahawa tidak boleh menyatakan sesuatu yang tidak mempunyai bukti yang jelas dan tidak boleh mempunyai sebarang unsur keraguan atau penipuan.

Pencabulan dan Pelanggaran Maksim Kuantiti

Maksim kuantiti wujud apabila komunikasi didukung dengan fakta atau data yang lengkap dan terhindar daripada menyatakan sesuatu yang tidak benar. Maksim ini menegaskan supaya jangan menjadikan sesuatu maklumat itu terlalu informatif sehingga melebihi hadnya. Dalam maksim ini, prinsip kerjasama Grice (1975) menyarankan agar penutur memberikan maklumat yang diperlukan sahaja dan tidak memberikan maklumat yang lebih daripada apa-apa yang diperlukan. Namun demikian, dalam sesebuah interaksi, penutur tidak boleh lari daripada melanggar atau mencabul maksim kuantiti ini. Hal ini demikian kerana sesuatu interaksi berlangsung secara semula jadi tanpa dirancang. Pencabulan maksim sering berlaku dalam sesebuah komunikasi disebabkan penutur memberikan maklumat yang terlalu sedikit atau berlebihan. Hasil kajian Wiryotinoyo (1996), jelas membuktikan bahawa kebanyakan penutur suka memberikan maklumat yang berlebihan agar dianggap lebih sopan dan peramah. Pencabulan maksim telah dilakukan oleh pelajar Cina semasa sesi soal jawab pembentangan kerja kursus mereka di dalam kelas. Contoh pencabulan maksim kuantiti yang dilakukan oleh pelajar Cina adalah seperti yang berikut:

Data 2 : Punca Pelajar Gagal Dalam Pelajaran

Pensyarah: Apakah faktor utama yang menyebabkan pelajar gagal dalam pelajaran?
Informan A: Faktor mereka gagal banyak bermain[↑], ponteng sekolah[↑], tidak dengar cakap guru[↑]£, tidak ulang kaji dan banyak lagi.[↓] Then masuk exam tak boleh jawab(). Maka gagal la *miss* kan??£[↓]

Berdasarkan data di atas, pensyarah sebenarnya memerlukan satu maklumat sahaja, iaitu faktor utama, contohnya ‘sering ponteng sekolah’. Namun demikian, informan A telah memberikan maklumat yang lebih daripada yang diperlukan oleh pensyarah. Menurut prinsip kerjasama Grice (1975), informan A telah melanggar maksim kuantiti kerana telah memberikan maklumat yang melebihi daripada yang diperlukan. Pelanggaran maksim yang dilakukan oleh informan A jelas dilihat apabila informan tersebut mengemukakan beberapa maklumat walhal yang diminta hanya satu maklumat. Sepatutnya informan A boleh memilih salah satu daripada maklumat yang telah diberikan. Hal ini demikian kerana menerusi maksim kuantiti penutur disarankan agar tidak memberikan maklumat yang lebih atau kurang, cukup sekadar apa-apa yang diperlukan oleh pendengar sahaja.

Pencabulan dan Pelanggaran Maksim Kerelevanan

Maksim kerelevanan juga dikenali sebagai maksim hubungan. Maksim ini menyarankan agar penutur memberikan sesuatu maklumat itu relevan dengan topik perbualan. Dalam realisasinya, semasa berinteraksi, penutur sedaya upaya cuba mematuhi maksim kerelevanan ini dengan cara menyampaikan maklumat yang tepat dengan topik yang dibualkan. Daripada data kajian, didapati pelajar Cina juga ada melakukan pencabulan dan pelanggaran maksim kerelevanan semasa sesi soal jawab pembentangan kerja kursus mereka. Hal ini demikian kerana mereka tidak dapat memahami soalan yang diajukan oleh pensyarah dengan baik dan ada juga pelajar yang sengaja melanggar maksim kerelevanan dengan tujuan untuk bergurau. Contoh pelanggaran maksim yang dilakukan oleh pelajar adalah seperti yang berikut:

Data 3 : Tips-Tips Kejayaan Dalam Kehidupan

Pensyarah: Adakah ibu bapa memainkan peranan penting dalam kejayaan anak-anak?
Informan K: Kawan saya belajar sendiri jugak boleh↑£. Hahaha! Kan kawan-kawan?

Menurut Abdullah Hassan (2003: 12), dalam data di atas bentuk pencabulan maksim yang dilakukan oleh informan K dapat dikategorikan sebagai permainan maksim. Hal ini demikian kerana berdasarkan hasil temu bual dengan informan K, dia mengakui bahawa dia memberikan jawapan sedemikian untuk berjenaka dan mewujudkan keakraban dengan pensyarah.

Daripada pemerhatian, hanya informan yang nakal sahaja akan memberikan jawapan yang sedemikian. Mereka lebih suka menimbulkan suasana yang bising untuk mengurangkan ketakutan yang dihadapi semasa pensyarah mengajukan soalan. Walau bagaimanapun, mengikut prinsip kerjasama Grice (1975), informan K telah melanggar maksim kerelevanan kerana pertanyaan pensyarah tidak dijawab dengan jawapan yang relevan. Jawapan informan K telah mengelirukan pensyarah kerana pensyarah tidak pasti sejauh mana kebenaran jawapan tersebut. Walau bagaimanapun, pensyarah boleh membuat inferens terhadap jawapan yang telah diberikan oleh informan K.

Pencabulan dan Pelanggaran Maksim Kejelasan

Maksim kejelasan juga dikenali sebagai maksim perlakuan atau maksim cara. Maksim ini menegaskan bahawa seseorang penutur haruslah menjadikan sesuatu maklumat itu nyata dan khusus. Penutur juga perlu mengelakkan daripada menyatakan maklumat yang tidak jelas atau cuba meringkaskan maklumat. Penutur perlu berusaha menyampaikan maklumat secara tersusun dan tidak berbelit-belit. Kebiasaannya, jikalau penutur mematuhi maksim kuantiti sekali gus penutur telah mematuhi maksim kejelasan.

Walaupun bagaimanapun, pelanggaran dan pencabulan maksim kejelasan juga sering terjadi dalam sesebuah interaksi. Secara umum, penutur mencabul maksim dengan cara memberikan maklumat yang berbelit-belit dan panjang sehingga penutur lawan tidak mendapat maklumat sebagaimana yang diinginkan. Berdasarkan kajian, dapat dikesan pencabulan maksim

kejelasan yang dilakukan oleh pelajar Cina semasa berkomunikasi dalam bahasa Melayu ketika sesi soal jawab. Pelanggaran maksim yang telah dilakukan oleh pelajar Cina adalah seperti yang berikut:

Data 4 : Tanggapan Awal Terhadap Kolej Saya

Pensyarah: Adakah anda suka dengan kolej anda yang sekarang?

Informan C: *Air-cond* ok tak ok tak(()), admin banyak tak syok cikgu↑. Hiihi£↓.

Pencabulan maksim kejelasan yang dilakukan oleh informan C dalam dialog dilihat agak ketara. Hal ini demikian kerana, informan C menyampaikan maklumat yang berbelit-belit dan tidak menjawab soalan yang diajukan oleh pensyarah. Informan C juga tidak memberikan jawapan secara tepat dan jelas kepada soalan yang diajukan kepadanya. Apabila ditemu bual informan C mengakui bahawa dia akan berasa cepat gemuruh sekiranya diajukan soalan yang melibatkan pemarkahan. Jadi, dia tidak dapat memberi tumpuan yang baik dan menjawab apa-apa yang difikirkan logik olehnya. Walau bagaimanapun, jawapan yang diberikan oleh informan tersebut dapat diketahui oleh pensyarah. Dalam dialog di atas, sekiranya informan tidak mahu dianggap melanggar atau mencabul maksim kejelasan, informan C seharusnya menjawab “suka atau tidak suka” sahaja sudah memadai. Selain itu, informan C menyatakan bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa keduanya dan lebih mudah difahami serta dipelajari berbanding dengan bahasa Melayu. Beliau memberikan jawapan yang tidak jelas dan panjang tanpa menjawab soalan yang diajukan dengan baik kerana beliau juga sebenarnya tidak mengetahui cara untuk menjawab soalan tersebut dengan jelas. Oleh hal yang demikian, beliau mencabul maksim kejelasan dengan tidak disengajakan.

Rumusan

Dalam sesebuah interaksi, selain daripada mematuhi prinsip kerjasama, penutur juga boleh melakukan pelanggaran atau pencabulan maksim kerjasama dalam perbualan. Hal ini demikian kerana dalam sesebuah interaksi yang bersifat spontan, pemeran kadang-kadang gagal menyusun ayat jawapan dengan baik. Jika dilakukan dengan tidak sengaja pemeran dianggap hanya mencabul maksim atau maksim-maksim itu. Namun begitu, jika dilakukan dengan sengaja maka pemeran sudah melanggar (*flouting*) maksim atau maksim-maksim itu. Pelanggaran maksim menghasilkan ujaran yang bersifat implikatur, yakni ujaran yang mengandungi makna tersirat. Pemeran lain yang mendengar ujaran yang bersifat implikatur ini perlu melakukan inferens (meneka atau meramalkan) niat atau tujuan sebenar penutur tersebut. Di sinilah berlakunya konflik jika pemeran lain gagal memahami ujaran berimplikatur tersebut, gagal mengenal pasti tujuan asal penutur dan menafsirkan kedua-duanya mengikut kefahaman masing-masing.

Berdasarkan data kajian, pelajar Cina sering melakukan pencabulan dan pelanggaran maksim ketika ditanya secara spontan kerana mereka kurang fasih berbahasa Melayu. Mereka tidak dapat memahami dengan baik setiap pertanyaan yang diajukan oleh pensyarah. Berbeza pula dengan pelajar yang fasih berbahasa Melayu, mereka lebih gemar mewujudkan suasana yang bising untuk menarik perhatian kelas dengan memberikan jawapan yang boleh mencetuskan

gelak ketawa di dalam kelas. Oleh hal yang demikian, mereka juga turut mencabul dan melanggar maksim pertuturan semasa berkomunikasi.

Rujukan

- Ahmad Khair Mohd Nor (2007). *Pembentukan Kata dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Ang, L. H. (1992). *Strategi Komunikasi Orang-orang Cina dalam Bahasa Malaysia*. (Disertasi Sarjana Tidak Terbit). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Bialystok, E. (1983). Some Factors in the Selection and Implementation of Communication Strategies. Dlm. Faerch, C. & Kasper, G. (Ed.), *Strategies in Interlanguage Communication*, 1983, London: Longman, hlm. 100-118.
- Canale, M. & Swain, M. (1980). Theoretical Bases of Communicative Approaches to Second Language Teaching and Testing. *Applied Linguistics*, 1, hlm. 1-47.
- Ellis, R. (1987). Communication Strategies and the Evaluation of Communicative Performance. *ELT Journal*, 38(1), hlm. 39-44.
- Faerch, C. & Kasper, G. (1983). On Identifying Communication Strategies in Interlanguage Production. Dlm. Faerch, C. & Kasper, G. (Ed.), *Strategies in Interlanguage Communication*, 1983, London: Longman, (hlm. 210-238).
- Gan Kheng Leong. (2000). *Strategi Penukaran Kod di Kalangan Guru-guru Cina Berpendidikan Cina dan Bukan Berpendidikan Cina*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Grice, P. 1975. Logic and conversation. Dalam Cole, P. & Morgan, P. (ed.) *Syntax and semantic 3: Speech acts*. London: Academic Press. 41-58
- Gumperz, J. J. (1977). The Sociolinguistic Significance of Conversational Code Switching. Dlm. Gumperz, J. C. and Gumperz, H. J. (Ed.). *Papers on Language and Context*.
- Holmes, J. (2001). *An Introduction to Sociolinguistics*. London: Harpes and ROW.
- Myers-Scotton, C. (1993). *Duelling Languages: Grammatical Structure in Code Switching*. Oxford: Claredon Press.
- Puteri Roslina Mamat. (1995). *Strategi Pertuturan dalam Bahasa Jepun di Kalangan Pelajar-pelajar Melayu di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Tidak Terbit. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Tarone, E. (1980). Communication Strategies, Foreigner Talk and Repair in Interlanguage. *Language Learning*. 30, hlm. 417-431.
- Tarone, E. (1983). Some Thought on the Notion of Communication Strategy. Dlm. Faerch, C. & Kasper, G. (Ed.), *Strategies in Interlanguage Communication*, London: Longman, hlm. 61-74.
- Tarone, E., Cohen, A. & Dumas, G. (1983). A Closer Look at Some Interlanguage Terminology: A Framework for Communication. Dlm. Faerch, C. & Kasper, G. (Ed.), 1983, *Strategies in Interlanguage Communication*, London: Longman, hlm. 4-14.
- Yan Huang. 2015. Pragmatik. Terjemahan. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.